

21 SEP 2001

BANK-BAHASA

USAHA TINGKATKAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU MUDAHKAN PELANGGAN BANK

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Usaha meningkatkan penggunaan Bahasa Melayu di sektor perkhidmatan kewangan yang merupakan sebuah industri terbesar negara yang melibatkan hampir segenap lapisan masyarakat adalah satu usaha besar kerana ia memudahkan orang ramai untuk berurusan dengan institusi-institusi kewangan, kata Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, hari ini.

"Ianya juga akan memperkuat jati diri bangsa dan menggalakkan perpaduan kaum," kata beliau dalam ucapan perasmian pelancaran buku "Daftar Istilah Industri Perkhidmatan Kewangan," di sini.

Iltizam dan kejayaan pihak institusi kewangan untuk memartabatkan bahasa Melayu adalah juga penting dalam menyemai rasa bangga rakyat terhadap penggunaan bahasa kebangsaan khususnya semasa berurusan dengan institusi-institusi kewangan, katanya.

Dr Zeti berkata adalah menjadi hasrat Bank Negara untuk melihat masyarakat industri perkhidmatan kewangan mahir dan selesa bukan sahaja dalam penggunaan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa antarabangsa dan perdagangan tetapi juga dalam bahasa Melayu yang menjadi lambang identiti negara.

Justeru, Bank Negara yang bertanggungjawab ke atas institusi-institusi kewangan di Malaysia akan sentiasa memantau penggunaan bahasa kebangsaan di sektor kewangan, katanya.

Bank Negara sedar betapa pentingnya usaha untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu di sektor itu dan telah mengambil beberapa langkah khusus untuk menggalakkan institusi-institusi kewangan menggunakan bahasa kebangsaan.

Antaranya ialah mengarahkan institusi-institusi kewangan dan insurans menggunakan borang dan dokumen standard dalam dwibahasa menjelang awal tahun 2002 serta penggunaan papan-papan tanda, pengeluaran laporan-laporan tahunan dan penterjemahan dokumen perjanjian dalam dwibahasa.

Dr Zeti juga menyarankan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang menerbitkan buku itu agar turut menerbitkan Daftar Istilah bagi penterjemahan dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris pula, untuk memudahkan rujukan istilah dalam kedua-dua bahasa.

"Oleh kerana industri perkhidmatan kewangan adalah satu bidang dinamik, maka Dewan Bahasa dan Pustaka perlulah proaktif dalam mencari istilah-istilah baru yang wajar dimuatkan dalam edisi yang berikutnya," katanya. -- BERNAMA

MK ZK